

## Koleksi Batik

Cuba tanyakan kepada orang muda hari ini, berapa ramai di antara mereka memiliki kemeja atau baju bermotifkan batik tradisional dan berani menggayakannya ketika keluar bersantai bersama rakan? Pasti angkanya boleh dikira dengan jari saja.

Penghasilan batik merupakan gabungan kreativiti, kesabaran dan kemahiran yang hebat dalam menghasilkan estetika keunikan batik itu sendiri. Terdapat dua teknik yang biasa digunakan untuk menghasilkan batik, iaitu mencanting dengan tangan atau dicetak dengan blok kayu atau tembaga yang sudah pastinya memerlukan seni artistik yang lebih besar.

Setiap batik yang dilukis dengan tangan adalah sebuah seni karya. Apa yang menjadikannya lebih hebat? Sekumpulan peserta ProWell yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU) telah membawa batik ke tahap yang lain. Dengan tekad, mereka berjaya membuktikan bahawa batasan fizikal mereka tidak menghalang mereka daripada menghasilkan sesuatu batik yang indah untuk digunakan.

Sementara rakan-rakan seni mereka bekerja dengan teliti untuk menyampaikan karya lain, satu lagi kumpulan peserta ProWell, yakni Orang Kurang Upaya sedang bekerja di Bengkel Jahitan kami di ProWell Center PLPP Bangi. Dengan kemahiran jahitan yang hebat, mereka berjaya menginovasikan fabrik batik kepada pelbagai produk kraftangan praktikal seperti kardigan, kaftan, beg pelbagai guna mengikut trend, kain perabot lembut, mahupun skaf yang semuanya memiliki sentuhan seni batik untuk digayakan kepada kepada anda bila-bila masa dan di mana sahaja!




RM70

Kemeja Batik



RM50

Kardigan Batik



RM50

Set Dapur Batik



RM25

Mini Beg Batik



RM20

Pelitup Muka Batik



RM45

Beg Fail Batik (Besar)



RM24

Beg Dwi Lipat Batik

ProWell Center  
Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi  
Jalan Sungai Merab Luar, 43800 Kajang, Selangor

☎ 03-83231000 EXT. 2366/2370/1582

f ProWell Project

📷 ProWellProject



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PRODUK PROWELL  
MALAYSIA

A Social Innovation Project by :



## Tentang Prowell

Di Projek ProWell, kami percaya pada terma “pembangunan inklusif” di mana semua orang tanpa mengira umur, jantina, keupayaan fizikal dan mental, lokasi geografi mahupun latar belakang diberikan peluang yang sama untuk menyertai pembangunan ekonomi dan sosial.

Justeru itu, kami mulakan projek ini dengan dua visi utama iaitu pertama dengan memanfaatkan kemahiran dan bakat kumpulan sasar jabatan daripada Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), institusi, dan penerima geran bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kedua, dengan menyediakan peluang pemerkasaan ekonomi mampan untuk mereka.

Dengan bersandarkan kepada model perniagaan khas pemerkasaan sosio-ekonomi kepada kumpulan sasar, Projek ProWell mampu mengurangkan masalah sosial yang menjadi musuh utama kepada negara. Model perniagaan direka berpaksikan kepada prinsip keusahawanan sosial di mana asas penubuhan adalah untuk menangani cabaran-cabaran khusus yang dihadapi oleh kumpulan sasar dengan cara memaksimumkan pendapatan sosio-ekonomi mereka.

Dari seluruh tenaga kerja ProWell- kami menyediakan dan memudahkan setiap proses yang dilakukan- daripada pembangunan produk, latihan, penyediaan peralatan dan bahan mentah yang diperlukan, pembungkusan dan penjenamaan, hinggalah kepada carian pemasaran - segalanya-galanya dibuat demi meningkatkan kefungsi sosial kumpulan sasar. Selaras dengan moto kami-







**“Empowering lives, Engaging hearts”**












## Koleksi Songket

Masyarakat Malaysia kaya dengan warisan seni halus yang diwarisi sejak zaman berzaman. Tenunan adalah antara seni halus yang begitu sinonim dengan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kebudayaan. Motif songket mempunyai lebih daripada 324 jenis yang berbeza dari aspek saiz, corak dan bentuk. Kreativiti dan kehalusan seni terlihat dalam setiap hasil kerja tangan tradisional ini. Songket tradisional adalah tenunan tangan dan corak yang rumit dengan benang emas atau perak yang sempurna di belakang kain untuk menghasilkan kesan berkilauan.

Walau bagaimanapun, kami berpendapat kain songket terlalu cantik dan amat sayang sekali sekiranya digunakan hanya sekali-sekala seperti di majlis perkahwinan dan majlis-majlis khas.

Begitulah cara peserta ProWell kami – Orang Kurang Upaya tampil dengan penghasilan koleksi songket indah ini. Mereka mengintegrasikan tekstil tradisional dengan teliti agar sesuai dengan gaya hidup kontemporari. Bermula dari Songket Classic Purse, beg tote hinggalah ke perhiasan kelengkapan rumah, kami mempunyai segala-galanya supaya anda boleh menghargai songket anda setiap hari!

 <p><b>RM30</b></p> <p>Beg Songket</p>	 <p><b>RM15</b></p> <p>Kotak Pensel Songket</p>
 <p><b>RM18</b></p> <p>Beg Telefon Songket</p>	 <p><b>RM25</b></p> <p>Beg Uncang Songket</p>
 <p><b>RM25</b></p> <p>Beg Solekan Songket</p>	 <p><b>RM20</b></p> <p>Beg Segi Tiga Songket</p>

 <p><b>RM24</b></p> <p>Beg Dwi Lipat Songket</p>	 <p><b>RM25</b></p> <p>Beg Seminar Songket</p>
 <p><b>RM25</b></p> <p>Beg Ketupat Songket</p>	 <p><b>RM5</b></p> <p>Rantai Kunci Songket</p>
 <p><b>RM28</b></p> <p>Buku Nota Songket (Besar)</p>	 <p><b>RM20</b></p> <p>Buku Nota Songket (Kecil)</p>
 <p><b>RM40</b></p> <p>Klac Klasik Songket</p>	 <p><b>RM45</b></p> <p>Beg Fail Songket (Besar)</p>
 <p><b>RM35</b></p> <p>Beg Fail Songket (Kecil)</p>	 <p><b>RM50</b></p> <p>Alas Meja Songket</p>
 <p><b>RM45</b></p> <p>Penanda &amp; Penutup Kulit Al-Quran</p>	